

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI  
(LABUAN)  
PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 07.03.2018**

**Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah ciri-ciri keselamatan yang akan dikenakan oleh Kementerian bagi mengekang sebarang aktiviti penipuan atau salah laku melalui inisiatif Kad Korporat MyDebit ke arah mengecilkan jumlah penggunaan cek dan wang tunai seiring dengan perubahan kepada kaedah pembayaran secara elektronik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kad Korporat MyDebit (KKM) diperkenalkan untuk memberikan kemudahan kepada golongan peniaga membuat pembayaran menggunakan kad debit di

kaunter agensi Kerajaan atau di cawangan bank pemungut terpilih. KKM berpotensi untuk mengurangkan kebergantungan peniaga pada penggunaan wang tunai dan cek.

KKM dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan untuk mengekang sebarang aktiviti penipuan atau salah laku seperti yang berikut :

- i) KKM mengguna pakai piawaian cip antarabangsa *Europay-Mastercard-Visa* (EMV) yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi;
- ii) Nombor pengenalan peribadi (*Personal Identification Number, PIN*) diperlukan untuk mengesahkan sebarang transaksi pembayaran;
- iii) Penggunaan KKM terhad kepada bayaran kepada agensi Kerajaan dan cawangan bank pemungut terpilih;
- iv) Peniaga boleh menetapkan had urus niaga kad berdasarkan keutamaan dan keperluan masing-masing;
- v) Pengeluaran wang tunai melalui KKM tidak dibenarkan; dan
- vi) Pihak bank dikehendaki untuk menyediakan kemudahan kepada peniaga untuk memantau transaksi yang dibuat menggunakan KKM pada masa nyata (*real-time*).